

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN JURUPULIH PERUBATAN

1. SKIM PERKHIDMATAN

Jurupulih Perubatan Gred U29, U32, U36, U38, U40.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai Jabatan/ Agensi Kerajaan.

3. RINGKASAN TUGAS

3.1 Aktiviti Jurupulih Anggota

- a. Menilai dan mengenal pasti masalah pesakit dengan terperinci berlandaskan *clinical reasoning* dan kefahaman fisiologi serta manifestasi penyakit dan kecederaan.
- b. Menganalisa penemuan penilaian bagi mengenal pasti masalah pesakit dan merangka program rawatan berdasarkan keutamaan masalah yang dihadapi.
- c. Menjalankan rawatan dengan menggunakan berbagai intervensi *generic*.
- d. Merancang, membentuk dan melaksanakan program promosi kesihatan dalam aspek berkaitan dan relevan dengan fisioterapi.
- e. Merancang dan melaksanakan aktiviti pencegahan bagi mengelak komplikasi berkaitan dengan kecederaan, penyakit dan peningkatan umur.
- f. Merancang dan melaksanakan program rehabilitasi untuk mengembalikan pergerakan dan kefungasian diri ke tahap maksima berdasarkan *evidence based practice* dan teknologi semasa.
- g. Merancang dan melaksanakan program bagi mengembangkan skop perkhidmatan fisioterapi merangkumi aktiviti/ program latihan dan penyelidikan.

3.2 Aktiviti Jurupulih Carakerja

- a. Menilai dan mengenal pasti permasalahan fungsi individu.

- b. Merancang pelan intervensi bersama dengan ahli kumpulan rawatan.
- c. Menjalankan rawatan intervensi mengikut tahap fungsi pesakit serta rawatan susulan dan khidmat nasihat .
- d. Merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti perkembangan kerjaya (CPD).

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Jurupulih Perubatan Gred U29

4.1.1 Aktiviti Jurupulih Anggota

- a. Menjalankan penilaian asas fisioterapi bagi mengenal pasti masalah pesakit serta perancangan program rawatan asas.
- b. Menjalankan intervensi berdasarkan Piawaian Amalan Fisioterapi.
- c. Pengurusan data rawatan iaitu mendokumentasi hasil penilaian, rawatan dan kemajuan pesakit menggunakan sistem POMR.
- d. Membantu penyeliaan klinikal Jurupulih Anggota pelatih.

4.1.2 Aktiviti Jurupulih Carakerja

- a. Menjalankan pengesanan awal (*screening*) dan perawatan pemulihan carakerja
- b. Merekod sesi pemulihan yang dirancang.
- c. Mengawal peralatan pemulihan.
- d. Melaksanakan penilaian dan pemeriksaan *basic*

4.2 Jurupulih Perubatan Gred U32

4.2.1 Aspek Jurupulih Anggota

- a. Menjalankan penilaian fisioterapi asas dan spesifik bagi mengenal pasti masalah pesakit serta merancang program rawatan.

- b. Menjalankan intervensi berdasarkan Piawaian Amalan Fisioterapi.
- c. Menjalankan pengesanan awal untuk mengelakkan kemerosotan fizikal, kefungsiian dan keperluan penjagaan selanjutnya.
- d. Mendokumentasi hasil penilaian, rawatan dan kemajuan pesakit menggunakan sistem POMR dan menyimpan rekod dan data yang sistematik.
- e. Membantu penyeliaan klinikal pelatih fisioterapi.
- f. Membantu melaksanakan aktiviti kualiti fisioterapi.
- g. Pengumpulan data bagi tujuan penyelidikan.

4.3 Jurupulih Perubatan Gred U36

4.3.1 Aktiviti Jurupulih Anggota

- a. Menjalankan penilaian fisioterapi asas dan kompleks yang berkemahiran tinggi bagi mengenalpasti masalah pesakit serta merancang program rawatan asas dan kompleks.
- b. Berdasarkan penilaian fisioterapi dalam bidang spesifik.
- c. Menjalankan intervensi berlandaskan Piawaian Amalan Fisioterapi dengan teknik-teknik pengkhususan berkemahiran tinggi.
- d. Merancang dan menyediakan pelan rawatan di rumah.
- e. Mendokumentasi hasil penilaian, rawatan dan kemajuan pesakit menggunakan sistem POMR dan menyimpan rekod dan data yang sistematik.
- f. Mengurus beban kerja sendiri dan anggota di bawah penyeliaannya dengan berkesan.
- g. Memantau, merancang, menjalankan aktiviti penyeliaan klinikal pelatih fisioterapi dan aktiviti penyelidikan serta keperluan latihan.

4.4 Jurupulih Perubatan Gred U38

4.4.1 Aktiviti Jurupulih Anggota

- a. Menjalankan penilaian fisioterapi bagi kes-kes kompleks.
- b. Menjalankan intervensi khusus yang kompleks dan berkemahiran tinggi.
- c. Menjalankan intervensi berlandaskan Piawaian Amalan Fisioterapi dengan teknik-teknik pengkhususan berkemahiran tinggi.
- d. Merancang dan menyediakan pelan rawatan di rumah.
- e. Mendokumentasi serta pemantauan hasil penilaian, rawatan dan kemajuan pesakit menggunakan sistem POMR dan menyimpan rekod dan data yang sistematik.
- f. Merancang pembangunan skop perkhidmatan, unjuransumber manusia dan perolehan peralatan untuk kawasan/ unit.
- g. Memantau, merancang, menjalankan aktiviti penyeliaan klinikal pelatih fisioterapi, aktiviti kawalan kualiti dan penyelidikan serta keperluan latihan anggota.

4.5 Jurupulih Perubatan Gred U40

4.5.1 Aktiviti Jurupulih Anggota

- a. Menjalankan penilaian dan perundingan fisioterapi bagi kes-kes kompleks yang berkemahiran tinggi dalam bidang pengkhususan.
- b. Melaksanakan perawatan dan pemulihan kes kompleks mengikut pengkhususan.
- c. Bertindak sebagai *clinical educator* bagi pelatih fisioterapi dan merancang penempatan klinikal pelatih fisioterapi serta memantau aktiviti pendidikan.
- d. Merancang keperluan sumber manusia, peralatan dan latihan untuk unit fisioterapi di bawah seliaannya.
- e. Memantau penyimpanan rekod dan data pesakit yang sistematik serta mengkoordinasi program fisioterapi.

- f. Menyelaraskan program *health technology assessment* berkaitan penilaian peralatan dan teknologi perawatan fisioterapi.
- g. Menjalankan penguatkuasaan dan kawalan mutu perkhidmatan.
- h. Merancang, menjalankan dan memantau aktiviti kawalan kualiti dan penyelidikan.
- i. Bertindak sebagai *clinical educator* dalam bidang pengkhususannya.

4.5.2 Aktiviti Jurupulih Carakerja

- a. Merancang dan menjalankan penilaian *standardized* yang kompleks.
- b. Merancang dan menjalankan pelan perawatan pemulihan keadaan spesifik dan kompleks.
- c. Bertindak sebagai ketua klinikal bagi perawatan pemulihan carakerja yang spesifik dan kompleks.
- d. Merancang dan melaksanakan aktiviti perkembangan profesion secara menyeluruh.
- e. Memantau *standard of practice* dan kualiti perkhidmatan.
- f. Merancang keperluan kemudahan peralatan pemulihan.
- g. Bertindak sebagai *clinical educator* bagi Jurupulih Carakerja dan pelatih.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Rakan sekerja di bahagian/ unit yang sama.
- b. Anggota di bahagian/ unit lain di dalam organisasi yang sama.

Luaran

- a. Jabatan/ Agensi Kerajaan dan swasta.
- b. Badan Bukan Kerajaan (NGO).

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Hospital, Klinik Kesihatan dan Komuniti.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

7.1 Jurupulih Anggota

- a. Mempunyai pendidikan asas dalam sains, *biomechanics*, anatomidan fisiologi, etiologi dan patologi penyakit, tumbesaran manusia, manifestasi penyakit.
- b. Mahir dalam teknik membuat penilaian, perancangan perawatan dan prosedur rawatan.
- c. Boleh menggunakan pendekatan psikologi dalam berhadapan dengan pesakit dan staf.
- d. Mempunyai EQ yang tinggi.

7.2 Jurupulih Carakerja

- a. Mempunyai pengetahuan dalam bidang perubatan, *diagnostic* dan kemanusiaan.
- b. Mengaplikasi konsep pemulihan carakerja mengikut domain utama (*activities of daily living, occupation and leisure*).

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Kemahiran interpersonal yang baik.
- b. Bertimbang rasa, berbudi bahasa, penyayang dan mempunyai *empathy*.
- c. Bertanggungjawab, amanah dan sabar.

9. ANCAMAN/ BAHAYA.

- a. Penyakit berjangkit.
- b. *Occupational Hazards*.
- c. Tekanan.

Sumber : Email daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 29 Mei 2007.